

NO. SOALAN: 102

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH  
[SANDAKAN]**

**TARIKH : 1 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10007**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah dan tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengelakkan kemasukan pelarian serta anggota penganas khususnya ISIS serta Abu Sayyaf dari Mindanao, Filipina Selatan masuk ke Sabah, Malaysia.**

**Jawapan:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan ofensif Kerajaan Indonesia, Thailand dan Filipina memerangi kumpulan pengganas secara besar-besaran di negara masing-masing telah meningkatkan potensi untuk kumpulan-kumpulan pengganas yang diburu menyusup masuk ke negara ini khususnya di Sabah.**

**Ancaman dan tahap atau pengaruh kumpulan militan terutama Daesh di Malaysia merupakan satu realiti dan boleh memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara pada masa hadapan sekiranya tidak dibendung di peringkat awal.**

**Kementerian Dalam Negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak termasuk individu-individu yang terlibat dengan sebarang bentuk aktiviti keganasan. Sehingga 30 Jun 2017, PDRM telah menangkap seramai 310 orang ahli kumpulan pengganas Daesh dan telah berjaya menggagalkan 15 percubaan mereka untuk melancarkan serangan sejak Februari 2013.**

**Mengambil kira insiden yang telah berlaku pada 28 Jun 2016 di Puchong yang telah mencederakan seramai 8 orang awam, Kerajaan sedar bahawa langkah-langkah tegas secara berterusan perlu**

dilakukan demi menjamin kedaulatan negara terus terpelihara dan keselamatan rakyat secara amnya terus terjamin.

Antara tindakan drastik yang dilakukan adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan dibuat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuklah kawalan di sepanjang sempadan Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui operasi dan tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, beberapa pendekatan turut diambil bagi tujuan penambahbaikan kepada aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:

- (a) **mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganas yang berpotensi menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;**
- (b) **kerjasama erat dengan agensi perisikan dan keselamatan Indonesia, Thailand serta Filipina bagi mematahkan sebarang cubaan meloloskan diri kumpulan pengganas ke Malaysia;**
- (c) **meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada; dan**
- (d) **menjalin kerjasama dengan semua Agensi/ Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pengganas.**